

Headline	MERS-CoV Bukan ancaman di Mekah, Madinah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	13	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	283 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,593
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,780



MERS-CoV: Bukan ancaman di Mekah, Madinah

PUTRAJAYA 2 Julai - Jemaah haji Malaysia tidak perlu bimbang dengan jangkitan Sindrom Pernafasan Timur Tengah (MERS-CoV) kerana ia bukan merupakan ancaman di kota suci Mekah dan Madinah yang menjadi tumpuan pada musim haji nanti.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, pelbagai langkah kawalan telah dilakukan oleh kerajaan Arab Saudi sebagai langkah berwaspada semasa musim haji nanti.

Beliau berkata, pihak Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) juga sentiasa bersiap sedia dengan sebarang kemungkinan yang akan berlaku pada musim haji nanti.

"Ketika ini Pengerusi Tabung Haji, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim sedang berada di Mekah untuk mengadakan perbincangan persiapan haji dengan kerajaan Arab Saudi, saya percaya perkara ini juga ada dibincangkan.

"Pengerusi Muassasah Asia Tenggara, Tan Sri Sheikh Zuhair Abdul Hamid juga ada mengatakan bahawa jangkitan wabak MERS-CoV bukan satu ancaman, jadi saya rasa tiada apa yang perlu jemaah haji Malaysia bimbangkan," katanya dalam sidang akh-

bar, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai perkembangan jangkitan wabak MERS-CoV di kota suci Mekah dan Madinah menjelang musim haji yang bakal tiba tidak lama lagi.

Terdahulu Jamil Khir menyerahkan watakah pelantikan Mufti Wilayah Persekutuan yang baharu kepada pendakwah bebas yang juga kolumnis Meja Agama *Utusan Malaysia*, Dr. Zulkifli Mohamad Albakri.

Zulkifli yang berasal dari Kemaman, Terengganu, menggantikan Datuk Wan Zahidi Wan Teh yang tamat tempoh perkhidmatan pada 20 Mac lalu selepas berkhidmat selama sembilan tahun.

Beliau berkelulusan ijazah doktor falsafah dalam bidang pengkhususan pengeluaran fatwa dari Universiti Sains Malaysia (USM) adalah Mufti Wilayah Persekutuan yang ketujuh.

Selain itu, beliau adalah pemegang ijazah Sarjana Muda Syariah dari Universiti Islam Madinah dan ijazah Sarjana Syariah dari Universiti Ilmu-ilmu Islam dan Arab, Syria.

Sementara itu, mengulas mengenai segelintir rakyat Malaysia yang

menyertai perang saudara di Syria, Jamil Khir berkata, umat Islam di Malaysia perlu mendalami maksud jihad terlebih dahulu sebelum mengambil keputusan untuk terlibat dalam perang saudara di negara berkenaan.

Katanya, tindakan mereka yang berhasrat untuk jihad fisabilillah tanpa sebarang maklumat dan fahaman yang jelas hanya akan merumitkan keadaan.

Beliau berkata, banyak perkara yang perlu difahami dan dinilai oleh mana-mana individu sebelum membolehkan mereka berjihad, termasuklah mengambil kira aspek keperluan dan juga pihak yang berperang.

"Dalam situasi yang berlaku di Syria ketika ini, wakil negara berkenaan sendiri yang mengatakan tidak perlu rakyat Malaysia menyertai peperangan, sebaliknya hanya memerlukan bantuan kemanusiaan sahaja.

"Oleh itu, amat jelas bahawa bantuan kemanusiaan jauh lebih baik, kita semua bersimpati dengan keadaan di Syria. Cuma rakyat negara ini haruslah menggunakan cara betul untuk salurkan bantuan dan bukannya mengangkat senjata," katanya.



JAMIL Khir Baharom menyerahkan watakah pelantikan kepada Zulkifli Mohamad Albakri sambil diperhatikan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Othman Musthapa (kiri) di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN